

# Generasi muda perlu faham cara keji Israel tukar naratif masyarakat dunia

● Menerusi hegemoni media, Barat bekerja keras untuk memotret pejuang kemerdekaan Palestin sebagai pemberontak, penzalim dan tidak berperikemanusiaan



Oleh Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham  
bhrencana@bh.com.my

**Sejurus** selepas serangan ke atas Hospital al-Ahli al-Ma'madani di Gaza, Perdana Menteri Israel dan beberapa pemimpin kanan rejim Zionis berkicau di platform X menyatakan kebanggaan setelah berjaya melancarkan misi ganas berkenaan.

Namur, selepas masyarakat dunia mengutuk pernatan zalim ke atas hospital dituruskan pertubuhan Krisztian, kicasar X itu dipadamkan segera, malah secara tiba-tiba kumpulan Palestin difitnah melalui carta keranjang serangan.

Ketika awal konflik, Rumah Putih terpaksa menarik semula kenyataan Presiden AS, James Biden mengenai gambar kanak-kanak Yahudi dipotong kepala oleh pejuang Palestin. Hakikatnya, Biden tidak pernah melihat gambar berkenaan atau dengan erti kata lain, gambar itu sebenarnya tidak wujud.

Iralah sebuah sikap Barat, cuba menguras pemikiran dan melakar naratif dalam minda masyarakat dunia konomynya Israel sendiri warga Palestin. Menerusi hegemoni media, Barat bekerja keras untuk memotret pejuang kemerdekaan Palestin sebagai pemberontak, penzalim dan tidak berperikemanusian.

Malangnya, agak merisaukan sebahagian besar generasi muda tidak memahami konteks mengapa berlaku konflik Palestin-Israel sekarang. Sebagai ahli akademik yang bergelungungan dengan anak muda dibagabikan pengetahuan di universiti awam (UA), penulis mendapati ramai juga tidak mengerti mengapa Malaysia tiada hubungan diplomatik dengan Israel.

Ada tertanya-tanya mengapa negara kita tidak cuba berbaik-baik dengan Israel lalu membolehkan kita menghantarkan nota bantahan diplomatik sekeranya berlaku ketegangan di sana. Bahkan ada segelintir mempertikalkan mengapa pejuang Palestin dengan kokuatan tentera terhad, melancarkan serangan ke atas Israel.

Ketidakfahaman ini disebabkan kurang pendedahan terhadap sejarah Palestin, khasnya ketika era Perang Dunia Pertama, yang kesannya masih meninggalkan luka berdarah hingga ke hari ini.

Sedangkan hakikatnya, apa berlaku sekarang ialah kisah perjuangan Arab Palestin sedang berusaha kembali ke tanah air dan kampung halaman mereka dirampas secara tidak sah, selain mendapat kemerdekaan.

Dahulunya, Palestin ialah negara aman damai dengan orang Arab Islam, Kristian dan Yahudi duak tanpa sengketa. Ketika pemerintahan Uthmaniyah lagi, dilaporkan orang Arab bersifat terbuka dengan orang Yahudi yang hidup dalam diaspora dan ditindas di beberapa negara di Eropah. Apatah

lagi kualiti hidup agak tinggi di Palestin, maka masyarakat majmuk merangkumi Muslim, Kristian dan Yahudi tinggal berjaya secara aman damai.

Namun episod damai ini mula terhakik ketika era penjajahan Barat. Strategi pecah dan perintah digunakan British berjaya memecahbelah ke-satuuan umat Islam, akhirnya Palestin ditumpas pada 1917.

Sebelum kejatuhannya ini, golongan nasionalis Yahudi membentuk pertubuhan Zionis sebagai aliran politik bagi pembentukan negara bangsa. Menyediari jumlah bangsa mereka tidak ramai dan ditindas di banyak negara, Zionis menggunakan prosesi kuasa perjajah British serta melobi untuk menyerahkan wilayah jajahan mereka untuk dijadikan sebagai negara bangsa.

## Rancang tubuh negara di beberapa kawasan

Walapun pada awalnya, mereka pernah merancang menyebutkan negara Yahudi di sebuah kawasan di AS, Kenya, Madagascar, Russia dan beberapa wilayah lain, akhirnya kelompok nasionalis Zioni ini memungang agama Judaisme kononya bumi Palestin sebenarnya milik bangsa Yahudi. Sedangkan hakikatnya, seperti diperdaya ramai penduduk Yahudi Ortodoks, mereka bilang masuk ke Battulmaqdis sehingga terbina Haikai Sulaiman.

Maka dengan giat melobi penjajah, akhirnya mereka berjaya melobi British untuk menyerahterahkan negara bangsa kepada Yahudi. Keadaan semakin keruh antara 1920-an hingga 1948, ketika seluruh dunia dan tanah pertubuhan Zionis, Yahudi seluruh pelosok dunia dipanggil menukar kapal untuk beranak-tranai berhijrah ke Palestin.

Seterusnya, pendatang haram inilah yang telah menubuhkan kumpulan pengganas dan dilatih

● Apa berlaku sekarang ialah perjuangan Arab Palestin kembali ke tanah air dan kampung halaman dirampas secara tidak sah, selain hak mendapat kemerdekaan

menggunakan senjata api dan ditutup semangat Zionisme dan anti-Arab Palestina.

Sekarang, Barat selalu melakukkan stereotip kononnya Muslim penganas. Mereka mudah menyamakan pejuang kemerdekaan Palestin sebagai militan atau Daesh, sedangkan hakikatnya mereka berjuang demikian hak untuk pulang ke tanah warisan sah.

Namun realiti sebenar, pendatang haram Yahudiah kelompok manusia pertama di dunia melakukan serangan takuk berperikemanusiaan ke atas kampung halaman dan tradisional milik Arab Palestina.

Pertubuhan pengganas Zionis seperti Haganah dan Irgun melahirkan orang Yahudi termasuk remaja serta wanita yang mencipta senjata membunuh orang Arab Palestina. Mereka berfunggawa-walaupun mencarik serangan berterusan ke perbandaran. Penjajah British hanya membiarkan perkembangan ini. Orang Arab dinafikan hak menggang serupa manakala pengganas Zionis di-blitaran berleluasa.

Semua rancangan berupaya seperti Lelu pula menunjang sikap pengsekap apabila mulai memupuk perasaan kepada tentara penjajah British. Beberapa orang pemimpin tentera British dibunuh. Mereka juga melancarkan serangan berani mati di tempat awam termasuk di bas dan pasar.

Kini, generasi muda perlu faham sebenarnya Israel adalah wilayah haram dibina atas ideologi rasia, apartheid dan militan. Perangai buruk ini diinstinksi agar naratif masyarakat dunia mengiktiraf keabsahan negara mereka, selain sikap suka menempel kepada pertubuhan dan negara dunia berkepentingan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

